

Jenis Akhbar : Berita Harian Ahad

Tarikh : 30/07/2023

Edisi / Muka Surat : Nasional (32)

Tajuk : ANGKASA Minta Kaji Semula Dasar 'Tidak Mesra' Koperasi

## ANGKASA minta kaji semula dasar 'tidak mesra' koperasi

**Ipoh:** Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) meminta kerajaan mengkaji semula atau meminda dasar dan undang-undang yang bersifat 'tidak mesra' kepada koperasi supaya institusi itu mampu tampil sebagai penyumbang yang lebih berkesan kepada negara.

Presidennya, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah, berkata langkah itu bagi membolehkan gerakan koperasi mendapat manfaat daripada segi pembiayaan dan pinjaman, sekali gus mendorong untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara seperti negara maju lain, termasuk United Kingdom, Jepun dan Korea Selatan.

Katanya, ekosistem dan undang-undang perlu dibaiki supaya perjalanan koperasi lebih mudah sebagaimana entiti perniagaan, terutama pada waktu kini kebanyakan koperasi dikehendaki menubuhkan anak syarikat bagi menjalankan perniagaan.

"Kita ada tujuh undang-undang yang didapati tidak mesra

koperasi, sebagai contoh jika koperasi nak terbabit dalam bidang kesihatan umpamanya hendak buka pusat dialisis atau hospital bersalin, maka dikehendaki menubuhkan anak syarikat.

"Begitu juga jika hendak membuka syarikat pelancongan menawarkan khidmat umrah, maka koperasi kena tubuh anak syarikat bagi memperoleh lesen. Jadi koperasi (seakan) tak diiktiraf sebagai entiti perniagaan.

"Jadi ini antara perkara yang kita cadangkan kalau kerajaan hendak melihat koperasi menyumbang jumlah besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, di mana ketika ini sektor koperasi hanya menyumbang tiga peratus kepada KDNK negara, berbanding dua angka yang dicatatkan di sebilangan negara," katanya selepas merasmikan Majlis Perasmian Karnival 100 Tahun Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya, di sini, semalam.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA